

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 06 Jun 2021 16:53
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AHSGS TERIMA 118 PELAJAR BAHARU



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia


6 JUN 2021 / 25 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita oleh: Rosmiza Ahmad
Gambar: AHSGS

AHSGS TERIMA 118 PELAJAR BAHARU



UUM ONLINE: Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHS GS), UUM CAS telah menerima 118 pelajar baharu yang telah mendaftar bagi trimester Mei 2021 (Sesi 203), baru-baru ini.

AHS GS juga telah menganjurkan taklimat atas talian sempena pendaftaran pelajar baharu dan seramai 174 orang pelajar baharu pasca siswazah dari dalam dan luar negara telah mengikuti taklimat tersebut.

Dekan AHS GS, Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria berkata, AHS GS amat berbesar hati dan berbangga untuk menerima bakal pelajar pasca siswazah pada trimester ini.

“Terima kasih kepada semua kerana memilih Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai pilihan bagi pengajian pasca siswazah. Ia adalah satu keputusan yang tepat kerana UUM merupakan

sebuah institusi yang terus meningkat kedudukannya dalam kalangan institusi sedunia dan sentiasa menawarkan program akademik terbaik, di samping pelbagai kemudahan untuk pembelajaran pelajar di sini.

“Apa yang penting sebagai pelajar pasca siswazah ialah perlu meletakkan fokus utama iaitu menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam masa yang ditetapkan (Graduate on Time),” katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa pihak AHS GS dan semua pusat pengajian di bawah UUM CAS bersedia untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar baharu.

Menurutnya, walaupun semua pihak sedang bekerja dalam norma baru disebabkan oleh Covid-19, namun itu bukan satu halangan malah pandemik itu juga memberi pelbagai peluang dan ruang untuk penambahbaikan yang merangkumi sistem sokongan dan pentadbiran pelajar di universiti ini.

Selain itu, dalam program yang sama, taklimat akademik pasca siswazah turut disampaikan oleh Dr. Siti Nazuar Sailin, diikuti taklimat berkenaan ‘learning support’ oleh Prof. Madya Dr. Manvender Kaur.

Pihak AHS GS telah menawarkan 269 tempat bagi pemohon yang telah berjaya menyambung pengajian di peringkat sarjana dan Ijazah Kedoktoran bagi trimester ini merangkumi tujuh pusat pengajian di bawah UUM CAS.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>